


Gris sisa buangan mempunyai potensi dikomersialkan



Dr. Hayder A. Abdul Bari



Hasil kajian Dr. Hayder A. Abdul Bari, Pensyarah Fakulti Kejuruteraan Kimia & Sumber Asli (FKKSA) bersama Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Universiti Malaysia Pahang (UMP) Profesor Dr. Rosli Mohd. Yunus mendapati gris daripada sisa-sisa buangan mempunyai potensi untuk dikomersialkan.

Kajian formulasi gris serbaguna yang mendapat Anugerah Khas di Expo Teknologi Malaysia (MTE) 2009 itu dibuat daripada sisa buangan titanium dioksida sejak Julai 2007.

Menurut Profesor Dr. Rosli, kualiti gris yang dihasilkan daripada sisa buangan itu adalah sama dengan kualiti gris jenama terkenal (untuk pesawat), cuma kos bahan yang kami gunakan adalah sangat murah.

“Idea ini tercetus apabila titanium dioksida (serbuk putih) terlalu banyak dan dibiarkan begitu sahaja di seluruh industri terutama dalam industri cat.

“Idea ini tercetus apabila titanium dioksida (serbuk putih) terlalu banyak dan dibiarkan begitu sahaja di seluruh industri terutama dalam industri cat.”

- Profesor Dr. Rosli Mohd Yunus

“Kajian dijalankan oleh UMP apabila mendapati sebuah syarikat pengeluar titanium dioksida menguruskan pelupusan bahan buangan iaitu gypsum yang menjangkau kira-kira 500,000 tan setahun hinggakan syarikat terbabit terpaksa membeli tanah hanya untuk menempatkan bahan buangan berkenaan.

“Oleh itu, kami mengambil peluang ini dengan mengambil sisa buangan tersebut untuk mencipta gris yang tahan pada suhu yang tinggi,” katanya.

Tambahnya, penyelidikan ini juga bakal dipaten dan UMP juga akan memperuntukkan geran bagi melaksanakan aktiviti prapengkomersialan kajian ini.

Kajian yang diketuai oleh Dr. Hayder A Abdul Bari itu berjaya memanfaatkan gipsium untuk menghasilkan gris yang sama kualiti dengan yang dihasilkan oleh syarikat minyak ternama malah lebih murah kerana ia dihasilkan daripada sisa buangan industri.